

Penerima

ANUGERAH PENULIS SARAWAK (GENRE SKRIP DRAMA)



DAHIRI SAINI dilahirkan pada 20 September 1966 di Kampung Baru Hulu, Kota Samarahan, Sarawak. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kampung Baru, Kota Samarahan (1973-1978), seterusnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Lumba Kuda, Kuching (1979-1983) dan menduduki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) sebagai calon persendirian pada tahun 1985.

Pada tahun 1989, beliau mengikuti Kembara Puisi Keliling di Sarawak bersama-sama Abdul Ghafar Ibrahim (AGI) dan Allahyarham Abdul Aziz H.M. Beliau mula menulis pada tahun 1990. Pernah menjadi penulis kreatif/non-kreatif beberapa akhbar tempatan. Pada tahun 1997/1999 beliau mengikuti Program Penulisan Sastera Kreatif dan Deskriptif di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Pada tahun 2000/2001 pula, beliau mengikuti Program Jangka Pendek Penulisan Skrip Drama/Cereka TV di Angkasapuri Kuala Lumpur. Kemudian, pada tahun 2004, beliau terpilih menyertai Program Penataran Penulis Muda Borneo - Kalimantan, Indonesia. Pada tahun tahun 2005, beliau terpilih mengikuti Program Pertukaran Penulis Sarawak/Sabah Dan Semenanjung Malaysia.

Beliau menulis pelbagai genre seperti puisi, cerpen, novel, skrip drama/ cereka televisyen, rencana dan esei. Karya beliau banyak tersiar di *Dewan Sastera*, *Dewan Budaya*, *Dewan Bahasa*, *Dewan Masyarakat*, *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, *Majalah Wanita* dan *Keluarga*. Beliau pernah memenangi pelbagai hadiah penulisan di peringkat negeri Sarawak dan Kebangsaan.

Di samping itu, beliau juga merupakan penggiat seni budaya dan sastera yang melibatkan acara seperti baca puisi, teater, dekon, monodrama, budaya serta dalam hal-hal yang berkaitan dengan kesusasteraan, kesenian dan kebudayaan di Sarawak. Beliau juga merupakan fasilitator bebas kesusasteraan, kesenian dan kebudayaan negeri Sarawak. Beliau merupakan mantan Ketua Dua Persatuan Karyawan Negeri Sarawak (PEKASA) pada tahun 2008-2009, 2010-2011 dan 2012-2013.

Beliau telah menghasilkan sebanyak enam (6) teks drama sejak dari tahun 2004-2013. Lima (5) daripada enam (6) karya beliau telah mendapat perhatian dan

anugerah di peringkat negeri dan kebangsaan. Karya *Naratif Kemerdekaan* (2004), *Nazar Kumul* (2006), *Jeda Nur Iman* (2007) *Naratif 1949* (2011), dan *Dinding* (2012).

Dari segi tema, beliau menerapkan sejarah tempatan, keagamaan dan kemanusiaan dalam karyanya. Beliau mengutamakan tema-tema ini dengan matang dan bersifat sejagat. Daripada enam (6) buah karya beliau hanya dua (2) sahaja yang berwajah lokal, selari dengan tema tokoh dan perjuangan kemerdekaan tempatan. Empat (4) buah karya beliau yang lain lebih bersifat sejagat dengan memaparkan topik kemanusiaan dan keagamaan.

Naratif Kemerdekaan dan *Naratif 1949* merupakan naskhah yang menggunakan bahan sejarah tentang tokoh perjuangan dan kemerdekaan di negeri Sarawak. *Naratif Kemerdekaan* memaparkan tokoh kemerdekaan negeri Sarawak sejak dari tahun 1842 hingga tahun 1949 dalam satu teks. Beliau mengangkat semangat nasionalisme dan perjuangan menentang penjajah sebagai titik penghubung bagi kesemua 17 babak dalam karya ini. Sementara itu, *Naratif 1949* memberi nafas baharu kepada kaedah mengemukakan fakta dan tokoh kemerdekaan negeri Sarawak dalam genre drama. Aksi karya ini berpusat kepada watak utama (Rusli), seorang pengkaji sejarah kemerdekaan yang mengalami masalah psikologi kerana terlalu taksud dengan kajian terhadap Rosli Dhoby. Hal ini menyebabkan watak ini kadangkala terputus dari dunia realiti dan hidup dalam zaman dan konflik watak sejarah yang dikaji oleh beliau.

Sementara itu, karya *Nazar Kumul* dan *Jeda Nur Iman* membawa tema keagamaan. *Nazar Kumul* memaparkan seorang protagonis yang kaya raya dan angkuh serta lupa diri. Watak tragis ini berusaha mempertahankan kesenangan material di dunia dan dibawa ke alam akhirat. Watak protagonis ini mula menyedari keterbatasan kuasa kekayaannya ketika koma dan akhirnya meninggal dunia. *Jeda Nur Iman* adalah sebuah drama yang secara umumnya memperkatakan tentang keimanan kepada Islam. Nur Iman adalah watak utama dalam drama ini yang ingin mencari asal usulnya. Keindahan karya ini terletak pada makna berlapisnya yang dapat dikupas dari nama-nama watak, cerita utama serta sub-sub cerita dalamnya.

Karya *Dinding* membawa tema kemanusiaan dengan memperlihatkan tingkah laku manusia di saat ingin melepaskan diri dari kematian. Karya ini memaparkan psikologi tiga watak terpelajar yang terperangkap dalam satu ruang serta akan menghadapi maut. Beliau melalui watak-watak dalam drama ini memperlihatkan bahawa sebijak mana pun manusia, sifat kebinatangannya akan muncul bila berhadapan dengan maut.

Secara umum, beliau adalah seorang penulis muda dalam genre drama yang memulakan penulisan skrip drama sejak dari tahun 2004. Namun begitu, pencapaian beliau di peringkat negeri dan kebangsaan dalam jangka tempoh sepuluh (10) tahun amat membanggakan. Sebahagian besar daripada karya drama pentas beliau telah memenangi anugerah juga telah dipentaskan.